

Rujukan : UKM BEN/224/8 JLD. 12  
Tarikh : 21 September 2018

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2018**

Dekan/ Pengarah/ Ketua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENYEDIAAN BAJET UNIVERSITI BAGI TAHUN 2019**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa satu pekeliling telah pun dikeluarkan untuk makluman dan tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti di lampiran. Untuk makluman, pekeliling ini berkuatkuasa mulai **25 September 2018**. Sehubungan dengan itu, sukacita kiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang benar,



**MOKSHIN BIN TUMNN**

Pemangku Pengarah Eksekutif Kewangan  
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- s.k - Naib Canselor, UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM  
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)  
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)  
- Pro Naib Canselor (Kuala Lumpur)  
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



## PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2018

### PENYEDIAAN BAJET UNIVERSITI BAGI TAHUN 2019

#### TUJUAN

1. Pekeling ini adalah bertujuan untuk memberi panduan penyediaan bajet kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi tahun kewangan 2019.

#### LATAR BELAKANG

2. Universiti sekali lagi dijangka akan menghadapi bajet yang ketat pada tahun 2019 berikutan polisi penyaluran peruntukan Geran Kerajaan yang amat terhad. Oleh itu, penyediaan bajet yang berimbang perlu dilaksanakan supaya Universiti tidak mengalami defisit.

3. Penyediaan bajet bagi tahun 2019 memberi penekanan kepada sumbangan yang mampu diberikan oleh setiap PTj dalam menampung kos mengurus Universiti. Penjanaan sumber dalaman perlu ditingkatkan sehingga mencapai sasaran 29% menjelang tahun 2019.

4. Pendedahan awal kepada PTj mengenai konsep dan komponen kos yang terlibat dalam mengurus Universiti adalah penting bagi memastikan PTj dapat memahami bahawa Universiti membelanjakan kos terpusat yang diperuntukkan di jabatan perkhidmatan tertentu tanpa dicaj terus kepada PTj secara langsung. Kategori kos ini terdiri daripada dua, iaitu:

4.1. **Kos Langsung** bermaksud kos yang boleh dikenalpasti secara terus kepada sesuatu aktiviti/ program di PTj contohnya gaji pensyarah, perbelanjaan bahan pengajaran dan perjalanan sesuatu aktiviti/ program di PTj.

4.2. **Kos Tak Langsung** bermaksud sebarang perbelanjaan yang tidak dapat dikenalpasti secara spesifik kepada aktiviti/ program tetapi merupakan kos yang ditanggung oleh Universiti bagi membolehkan aktiviti/ program tersebut dapat

dijalankan. Antara kos yang dikategorikan dalam skop ini termasuk penyelenggaraan bangunan, peralatan dan ruang, perkhidmatan insurans, perbelanjaan utiliti, kos pentadbiran seperti gaji kakitangan, bekalan alatan pejabat, pengurusan kenderaan, rawatan perubatan, khidmat keselamatan dan perpustakaan yang tidak dicaj terus kepada PTj.

5. Penyediaan bajet 2019 merupakan tahun ketiga pelaksanaan mengikut format baru yang disediakan oleh Jabatan Bendahari. Namun sebahagian PTj masih belum jelas mengenai pengisian maklumat yang diperlukan bagi memastikan unjuran yang dikemukakan dapat dinilai dengan sewajarnya.

## **PELAKSANAAN**

### **6. Pencapaian Keberhasilan Utama Universiti (KRA) dan TEKAD 18.**

- 6.1. PTj perlu mengambil kira kos dalam penyediaan bajet supaya dapat menyokong aktiviti utama Universiti seterusnya merealisasikan hasrat TEKAD 18 dan KRA.
- 6.2. Berdasarkan prestasi penjanaan pendapatan bagi suku kedua tahun 2018, pendapatan yang dijana bagi Pusat dan Institut berada pada tahap yang masih rendah berbanding kos operasi yang tinggi. Pada tahun 2017, peruntukan Kumpulan Wang Mengurus Universiti hanya mencapai sasaran sebanyak 98% iaitu RM146 juta berbanding sasaran asal sebanyak RM150 juta. Perbelanjaan yang telah dibelanjakan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM692 juta termasuk perbelanjaan emolumen. Oleh itu, PTj disarankan supaya mempertingkatkan hasil penjanaan bagi memastikan sasaran pendapatan ini dapat dicapai.

### **7. Penilaian Semula Program**

- 7.1. PTj hendaklah menilai semula program yang dijalankan agar bersesuaian dengan arus perdana dan kehendak pasaran. Program yang dirancang juga tidak bertindih fungsi antara PTj dan seharusnya mempunyai sumber pembiayaan yang lestari.

### **8. Penyediaan Cadangan Bajet 2019**

- 8.1. PTj perlu mengambilkira semua kategori Kumpulan Wang dalam penyediaan bajet pendapatan dan perbelanjaan seperti berikut:-

- i. Kumpulan Wang Hasil (KW Hasil)/ *Strategic Business Unit* (SBU)
  - ii. Kumpulan Wang Amanah
  - iii. Kumpulan Wang Penyelidikan
- 8.2. PTj hendaklah menyediakan bajet seperti format yang telah diperkenalkan pada tahun 2016. Format ini sentiasa ditambahbaik dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:
- 8.2.1. Pendapatan
- i. Memastikan anggaran pendapatan yang disediakan adalah munasabah dan mampu dicapai oleh PTj berdasarkan aktiviti penjanaan sedia ada atau baru. PTj hendaklah merujuk kepada Laporan Pengurusan PTj dalam menyediakan anggaran tersebut.
  - ii. Pemberian galakan kepada PTj melalui agihan hasil boleh agih berdasarkan Dasar Penjanaan UKM bagi sebarang aktiviti penjanaan yang diluluskan.
- 8.2.2. Perbelanjaan
- i. Mengambilkira perbelanjaan emolumen yang ditampung melalui Geran Kerajaan berdasarkan vot yang telah diluluskan dan non-emolumen dibiayai melalui sumber dalaman.
  - ii. Memperkenalkan siling indikatif dalam pengunjuran perbelanjaan. Ptj diingatkan agar tidak membuat pengunjuran lebih daripada indikatif yang ditetapkan.
  - iii. Kerja-kerja menaiktaraf dan pembelian peralatan baru tidak digalakkan melainkan terdapat keperluan yang kritikal dan justifikasi yang kukuh.
  - iv. Merancang supaya sumber Tabung Amanah dapat membiayai sebahagian kos operasi PTj.
  - v. Penyediaan dan perancangan bajet melalui semua sumber kumpulan wang yang dinyatakan seperti di perenggan 8.1.
  - vi. Merancang perbelanjaan sehingga akhir tahun kerana peruntukan tambahan sukar dipertimbangkan.
- 8.3. Anggaran bajet ini tidak termasuk bajet pembangunan di bawah Rancangan Malaysia. Bajet ini perlu disediakan secara berasingan.
- 8.4. Semua PTj hendaklah mengemukakan cadangan melalui format seperti di lampiran iaitu, **Lampiran 1 Anggaran Bajet UKM Tahun 2019** dan **Lampiran 2 Anggaran Bajet Amanah & Penyelidikan Tahun 2019**. Lampiran ini akan diserahkan secara *softcopy* melalui email kepada pegawai bertanggungjawab di

PTj dan harus dilengkapkan sepetimana yang dikehendaki. Panduan dan kaedah penyediaan juga dinyatakan di dalam lampiran tersebut.

- 8.5. Peruntukan penyelidikan juga sangat signifikan dengan penyediaan bajet Universiti. Oleh itu, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM-UKM) perlu mengunjurkan pendapatan dan perbelanjaan bagi semua jenis dana penyelidikan Universiti.

## **9. Peruntukan Emolumen Kakitangan Tetap Dan Kontrak**

- 9.1. Keperluan peruntukan emolumen setiap PTj bagi jawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Pendaftar. Perancangan pengambilan dan pengisian perlu diselaraskan berdasarkan vot perjawatan yang telah diluluskan. Sekiranya berlaku kekurangan peruntukan Geran Kerajaan dalam membiayai perbelanjaan emolumen, ianya akan ditampung melalui KW Hasil.
- 9.2. BSM juga perlu menyelaras dan menyediakan anggaran peruntukan kakitangan kontrak yang diperlukan oleh semua PTj berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan.
- 9.3. Lantikan sedia ada dan baru perlu dikaji berdasarkan kemampuan kewangan Universiti.

## **10. Peruntukan Berpusat**

- 10.1. Keperluan peruntukan yang dipusatkan kepada Universiti dan PTj perkhidmatan adalah seperti berikut:-
- i. Peruntukan Universiti
    - a. dikawal oleh Jabatan Bendahari terdiri daripada perbelanjaan utiliti, Majlis konvokesyen, Insurans dan cukai dan pelbagai caj-caj lain.
    - b. dikawal oleh Jabatan Pendaftar ialah perbelanjaan biasiswa dalam dan luar negeri bagi tujuan cuti belajar.
  - ii. Peruntukan Prasarana-UKM terdiri daripada perbelanjaan kontrak pencucian, kerja-kerja penyelenggaraan, awam dan elektrik.
  - iii. Peruntukan Pusat Teknologi Maklumat diperuntukkan untuk sewaan komputer, penyelenggaraan sistem dan perkhidmatan wifi.

- iv. Peruntukan Jabatan Pendaftar memperuntukkan perbelanjaan sewaan kenderaan, rawatan perubatan, kontrak keselamatan luar kampus, bayaran elaun dan urusan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 10.2. PTj yang menerima peruntukan berpusat ini hendaklah meletakkan keutamaan kepada pembayaran yang mempunyai kontrak bermasa dan keperluan kritikal.
- 10.3. Permohonan daripada PTj bagi menggunakan peruntukan Universiti hendaklah disertakan dengan minit kelulusan mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) atau LPU.

## 11. Pengagihan Kos Utiliti, Penyelenggaraan & Rawatan Perubatan

- 11.1. PTj yang telah dilengkapkan dengan meter elektrik dan air akan diagihkan peruntukan utiliti dan dikenakan caj dengan kos sebenar.
- 11.2. Kos penyelenggaraan akan diagihkan kepada PTj mengikut asas tertentu.
- 11.3. Kos rawatan perubatan diagihkan berdasarkan bilangan staf.

## 12. Perancangan Perolehan dan Pengurusan Kontrak Bermasa

- 12.1. Pengurusan perolehan hendaklah dirancang dengan sebaik mungkin. Oleh itu, PTj diminta untuk menyediakan perancangan perolehan seperti format **Borang Perancangan Perolehan Bagi Tahun 2019** di **Lampiran 3**. Ini bagi memastikan bekalan barang dan perkhidmatan dapat disempurnakan dalam tempoh yang dikehendaki.
- 12.2. Pengurusan kontrak bermasa bagi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan dan kerja hendaklah diperuntukkan dengan secukupnya. Bagi memastikan perkara ini dipatuhi, PTj perlu melengkapkan **Borang Perbelanjaan Kontrak Bermasa Tahun 2019** di **Lampiran 4**.

## 13. Jadual Penyediaan Bajet 2019

Jadual perancangan bagi penyediaan bajet ini adalah sepertimana yang ditetapkan di **Lampiran 5 Jadual Penyediaan Bajet 2019**.

## PENGUATKUASAAN

14. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua PTJ di Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur (tidak termasuk PTJ yang menjalankan perkhimatan operasi di HCTM). Entiti yang dikelaskan di bawah KW Enterprise seperti Pusat Kembangan Pendidikan dan UKM-GSB perlu menyediakan bajet tahunan secara berasingan untuk kelulusan Jawatan Kuasa Tetap Kewangan (JKTK).

15. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **25 September 2018**.

## RUJUKAN

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama **Pekeliling Bendahari Bil. 10/2017 Penyediaan Bajet Operasi bagi Tahun 2018** dan **Pekeling Bendahari Bil. 6/2016 Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Universiti** sebagai asas dan panduan penyedian bajet ini.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh menghubungi Bahagian Bajet dan Penjanaan, Jabatan Bendahari di talian 03-89215110/ 5098

Sekian, terima kasih.

***“Akauntabiliti Pegangan Kita”***

Yang benar,



**MOKSHIN BIN TUMIN**

Pemangku Pengarah Eksekutif Kewangan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM  
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)  
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)  
- Pro Naib Canselor (Kuala Lumpur)  
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM

Bil.	Program/Aktiviti	Anggaran Diluluskan 2019			Anggaran Diluluskan 2018			JUMLAH
		Sebenar 2017	Anggaran Diluluskan 2018	Pencapaian Sasaran Pendapatan Sehingga Ogos 2018	KW HASIL / MENGURUS	Program Baru Penjanaan/SBU	Program Asas/Sedia Ada	
1	YURAN PENGAJIAN							
	a. Yuran Pendaftaran							
	b. Yuran Perkhidmatan							
	c. Yuran Pengajian							
3	SEWAAN							
3.1	H742246 - Perkhidmatan Makmal dan Peralatan							
	a. Perkhidmatan Analisis							
	b. Pelbagai Ujian							
3.2	Sewaan Kemudahan/Ruang/Peralatan							
	a. Hasil Ruang							
	b. Hasil Dewan/Bilik							
4	JUALAN BARANG & PERKHIDMATAN							
	a. H73101 - Jualan Buku							
	b. H73203 - Jualan Bahan Kitar Semula							
5	DENDA & GANTIRUGI							
	a. H76101 Denda Kolej Kediaman							
	b. H76102 Kaktangan Langgar Ikatan Perjanjian Cuti Belajar UKM							
	c. H76113 Denda Lewat Bakai							
6	PENAJAAN							
	a. Endowed Professor							
	b. Aset dan Peralatan							
	c. Kursus dan Seminar							
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>							<b>7,531,120</b>	
<b>KOS LANSUNG</b>								
<b>EMOLUMEN</b>								
B10000	- Emolumen Kakitangan Tetap							
B29300	- Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan (One Off)							
B29300	- Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan (Peruntukan PTI)							
<b>BUKAN EMOLUMEN</b>								
B21100	- Perjalanan/Sarabidup Dalam Negeri							
B21200	- Perjalanan/Sarabidup Luar Negeri							
B23100	- Perhubungan							
B24100	- Sewaan							

Bil.	Program/Aktiviti	Anggaran Diluluskan 2019			Anggaran DiCadangkan/ Dipaparkan 2019		
		Sebenar 2017		Anggaran Diluluskan 2018	Pencapaian Sasaran	Anggaran DiCadangkan/ Dipaparkan 2019	
		JUMLAH	KW HASIL	Pendapatan Sehingga Ogos 2018	KW HASIL / MENGURUS	JUMLAH	KW HASIL
B27100 - Bekalan Pakai Habis		-	-	-	-	-	-
B27200 - Bekalan Pengajaran		-	-	-	-	-	-
B27300 - Bekalan Bahan Perpustakaan		-	-	-	-	-	-
B27400 - Bekalan Riaidah, Sukan dan Kebudayaan		-	-	-	-	-	-
B27500 - Bekalan Pakaiian		-	-	-	-	-	-
B27900 - Inventori		-	-	-	-	-	-
B28100 - Penyelenggaraan Bangunan (Selain Pencucian Kecuali Kolej)		-	-	-	-	-	-
B28200 - penyelenggaraan kemudahan/fasiliti		-	-	-	-	-	-
B29100 - Perkhidmatan yang dibeli		-	-	-	-	-	-
B29200 - Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid		-	-	-	-	-	-
B29400 - Keratan & Honorium		-	-	-	-	-	-
B42100 - Kegiatan Mahasiswa		-	-	-	-	-	-
B52100 - Lain-lain Pembelanjaan		-	-	-	-	-	-
A35100 - Pembelian Hartia Modal		-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH PERBELANJAAN LANGSUNG</b>		<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>KOS TIDAK LANSUNG</b>		<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>BUKAN EMOLUMEN</b>		<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
B23201 - Utiliti Bil Elektrik		865,097	-	865,097	865,097	865,097	-
B23202 - Utiliti Bil Air		189,833	-	189,833	189,833	189,833	-
B29100 - Perkhidmatan Yang Diberi (Rawatan Perubatan)		64,817	-	64,817	64,817	64,817	-
<b>JUMLAH PERBELANJAAN TIDAK LANGSUNG</b>		<b>1,119,747</b>	<b>-</b>	<b>1,119,747</b>	<b>-</b>	<b>1,119,747</b>	<b>-</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) TANPA EMOLUMEN</b>		<b>(1,119,747)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>6,411,373</b>	<b>11,081,533</b>	<b>-</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN)</b>		<b>(1,119,747)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>6,411,373</b>	<b>11,081,533</b>	<b>-</b>

**ANGGARAN BAJET AMANAH & PENYELIDIKAN TAHUN 2019**

BIL	KOD	BAKI AWAL	UNJURAN PENDAPATAN 2019	UNJURAN PERBELANJAAN 2019	BAKI AKHIR
1	Jumlah TPU	-	-	-	-
2	Jumlah TKS	-	-	-	-
3	Jumlah AKU	-	-	-	-
4	Jumlah TKE	-	-	-	-
5	Jumlah AAP	-	-	-	-
Jumlah Amanah		-	-	-	-
6	Penyelidikan	-	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		-	-	-	-



Lampiran 3

PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2019

NAMA PTJ : \_\_\_\_\_  
NAMA SUB-PTJ : \_\_\_\_\_

Bil.	Kumpulan Wang	Tajuk Perolehan	Jenis Perolehan Bekalan / Kerja / Perkhidmatan	Anggaran Kos (RM)	Jangkaan Pelawaan
1.	Hasil				
2.	Penyelidikan/Pembangunan				
3.	Amanah & Lain-lain				
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					

\*\*Perancangan mestilah berdasarkan prestasi kedudukan kewangan dan disusun mengikut keutamaan



#### Lampiran 4

#### PERBELANJAAN KONTRAK BERMASA TAHUN 2019

NAMA PTJ : \_\_\_\_\_  
NAMA SUB-PTJ : \_\_\_\_\_

Bil.	Keterangan Kontrak	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Komitmen Jan – Dis 2019 (RM)
JUMLAH KESELURUHAN				

**Lampiran 5**

**JADUAL PENYEDIAAN BAJET 2019**

Bil.	Perkara	Tarikh Sasaran	Tindakan
1.	Taklimat dan penerangan kepada PTj tentang format penyediaan bajet	27 September 2018	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari
2.	Penyediaan unjuran pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan	27 September – 30 Oktober 2018	Semua PTj
3.	Bengkel Pengurusan Kewangan & Penyediaan Bajet UKM 2019	16 – 18 Oktober 2018	Semua PTj
4.	Mendapatkan perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan UKM	15 November 2018	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari
5.	Mendapatkan kelulusan JKTK/ LPU	30 November 2018	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari
6.	Kemasukan maklumat bajet yang diluluskan ke dalam sistem UFAS	31 Disember 2018	Bahagian Bajet & Penjanaan, Jabatan Bendahari